

08/02/2003

Batu Putih dan orang lama dalam Kabinet

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

PERSOALAN setakat mana Malaysia harus bersabar dengan kerenah Singapura berhubung isu dua hala seperti tuntutan terhadap Pulau Batu Putih dan semakan semula harga bekalan air menjadi bicara utama Tamil Nesan (Nesan) dan Malaysia Nanban (Nanban) minggu ini.

Kedua-dua akhbar berpendapat, kerajaan harus berhati-hati apabila menandatangani sebarang perjanjian dengan Singapura kerana kerajaan republik itu sudah terbukti tidak kekok menggunakan taktik kotor bagi mencapai matlamat mereka.

Nesan, dalam editorialnya, menyatakan bahawa aspek perjanjian perlu diteliti dan dikaji secara terperinci bagi memastikan kita tidak menjadi mangsa akibat maksud terselindung atau muslihat perundangan Singapura.

Nanban pula menekankan supaya persetujuan bertulis diperoleh daripada Singapura mengatakan kedua-dua pihak akan akur dengan apa saja keputusan yang dibuat Mahkamah Dunia berhubung tuntutan terhadap Pulau Batu Putih.

Kata akhbar itu, Kerajaan Malaysia perlu jelas dalam pendiriannya kerana penghakiman Mahkamah Dunia sekadar petunjuk yang tidak mempunyai sebarang kuasa pelaksanaan dari segi undang-undang dan pada hakikatnya, tidak perlu dipatuhi Singapura sekiranya diandaikan tidak memihak kepadanya.

Dalam perkembangan lain, Nesan melaporkan kerajaan wajar menubuhkan lebih banyak pusat latihan kemahiran (PLK) berikutan peningkatan permohonan baru untuk menyertai pelbagai program latihan yang disediakan.

Sebanyak 1,815 PLK ditubuhkan di seluruh negara dan tahun lalu saja, 90,000 orang, khususnya remaja, mengikuti pelbagai kursus yang dianjurkan manakala tahun ini, jumlah permohonan meningkat melebihi 100,000.

Bagaimanapun, peruntukan tahun lalu yang berjumlah RM20 juta dikurangkan kepada RM17.9 juta tahun ini, sekali gus mewujudkan kemungkinan kadar pengambilan dikurangkan dan menyebabkan ramai remaja kehilangan peluang mempelajari kemahiran baru.

Nesan dan Nanban turut menyiarkan temuramah dengan dua rakyat tempatan, S Devandrakumar dan S Velan, masing-masing dari Petaling Jaya dan Shah Alam, yang memenangi anugerah reka bentuk kek antarabangsa di Dublin, Ireland baru-baru ini.

Kedua-duanya memenangi pingat emas selepas menewaskan lebih 2,000 peserta dari 40 negara dalam acara tahunan itu.

Sementara itu, cadangan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, supaya semua ahli Kabinet turut berundur daripada jawatan masing-masing mengikut jejak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan bersara pada Oktober ini, mendapat perhatian semua akhbar berbahasa Cina.

Selasa lalu, Sin Chew Daily mengandaikan sebahagian daripada ahli Kabinet sedia ada akan berundur, termasuk mereka yang sudah berumur serta sudah lama berkhidmat dalam kerajaan.

Akhbar itu berpendapat, peralihan kuasa dan penyusunan semula untuk menyuntik orang baru dalam kerajaan dan parti harus dilihat sebagai proses yang sihat serta baik untuk kerajaan bagi mengelakkan organisasi itu menjadi terlalu 'tua'.

Peralihan kuasa itu tidak akan menjadi penggantian secara keseluruhan kerana pucuk pimpinan baru perlu mempunyai pemimpin yang berpengalaman dan pada masa sama boleh mengurangkan pergolakan politik.

Penganalisis Sin Chew Daily, Khamis lalu, pula merumuskan peletakan jawatan ahli Kabinet secara beramai-ramai tidak pernah berlaku dalam sejarah politik negara, sebaliknya proses peralihan kuasa dilaksanakan

secara stabil.

Sekalipun anggota Kabinet tidak berundur secara serentak, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku pewaris kepemimpinan negara tidak akan menghadapi masalah besar dalam penyusunan semula Kabinet kerana dipercayai sebahagian besar jemaah menteri adalah orang lama yang berpengalaman untuk terus melaksanakan dasar kerajaan.

Penganalisis Sin Chew Daily, Jumaat lalu, meramalkan pilihan raya umum akan diadakan awal tahun depan kerana Dr Mahathir ingin melihat Abdullah dapat memimpin pasukan baru bagi mengukuhkan kedudukannya.

Ini boleh dibuktikan dengan keputusan Dr Mahathir melakukan perubahan dalam kepemimpinan Umno Kelantan baru-baru ini bagi memudahkan Abdullah mengemudi pasukan baru.

Selain itu, ia juga bagi membolehkan cadangan persempadanan semula kawasan pilihan raya diluluskan dan dilaksanakan pada pilihan raya umum akan datang.

Dijangka semua pihak dan parti politik akan mula bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya umum selepas sambutan Tahun Baru Cina tahun depan.